

Bil.	Jenis Perniagaan	Fi Lesen	
		Minimum Setahun (RM)	Maksimum Setahun (RM)
<b>F. PELBAGAI</b>			
1.	Menjual Apa-apa Barang/Peralatan Yang Tidak Dinyatakan Di Dalam Undang-undang Kecil Ini	200.00	2,000.00
2.	Menjalankan Sesuatu Agensi Perdagangan, Agensi Sosial, Agensi Pengangkutan Dan Lain-lain Yang Tidak Dinyatakan Dalam Undang-undang Kecil Ini	300.00	3,000.00
3.	Menjalankan Sesuatu Tred, Perniagaan/ Perkhidmatan/Perusahaan Yang Tidak Dinyatakan Di Dalam Undang-undang Kecil Ini	500.00	5,000.00

Bertarikh: 6 Ogos 2019

[MPKu/8/100/13-5/UUK]

[SUKJ.KT.24/69/32 Jld. 6(33); PPUUNJ. 600-1/2/41(2)]

HAJI MOHAMMED SHAKIB BIN HAJI ALI

*Yang Dipertua*

*Majlis Perbandaran Kulai*

Disahkan: 26 Ogos 2019

[Ringkasan Mesyuarat Bil. 984/2020]

HAJAH SHUBANAH BINTI YUSUF

*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan*

*Johor*

## J. P.U. 2.

### AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

*[Akta 171]*

UNDANG-UNDANG KECIL HAIWAN MERAYAU

(MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU) (PINDAAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 *[Akta 171]*, Majlis Bandaraya Johor Bahru membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan Undang-Undang Kecil yang berikut:

#### Nama dan permulaan berkuat kuasa

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Haiwan Merayau (Majlis Bandaraya Johor Bahru) (Pindaan) 2020** dan hendaklah dipakai hanya bagi Majlis Bandaraya Johor Bahru.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

**Pindaan undang-undang kecil 6**

2. Undang-Undang Kecil Haiwan Merayau (Majlis Bandaraya Johor Bahru) 1995 [J.P.U. 54/1995] yang disebut sebagai “Undang-Undang Kecil ibu” adalah dipinda dalam undang-undang kecil 6—

- (a) dalam undang-undang kecil 6(3), dengan menggantikan perkataan “tujuh hari” dengan perkataan “tiga hari”;

dan

- (b) memasukkan selepas sahaja undang-undang kecil 6(4), undang-undang kecil baru yang berikut:

“(5) Majlis tidak bertanggungjawab ke atas kematian, kerugian, kecederaan, dan lain-lain liabiliti sekiranya haiwan yang disita tersebut cedera atau mati semasa jagaan Pihak Berkuasa Tempatan selepas sitaan.”

**Pindaan undang-undang kecil 7**

3. Undang-undang kecil 7 Undang-undang kecil ibu adalah dipinda dengan menggantikan peruntukan proviso dengan peruntukan proviso baru yang berikut:

Dengan syarat mana-mana haiwan yang disita dan ditahan boleh didapatkan balik oleh pemunya dengan membayar suatu bayaran tidak kurang daripada dua ratus ringgit seekor dan bagi tiap-tiap hari selepas itu bayaran tambahan sebanyak lima puluh ringgit bagi seekor haiwan;

Dan dengan syarat selanjutnya bahawa jika haiwan yang sama juga disita dan ditahan berikutnya maka bayaran yang dikenakan dinaikkan kepada empat ratus ringgit bagi seekor haiwan.

Bertarikh: 10 Februari 2020

[MBJB/U/2019/28/UUK/3]

[SUKJ.KT. 24/69/17 JLD. 3(13); PPUUNJ-1/7/21(2)]

DATO' HAJI ADIB AZHARI BIN DAUD  
*Datuk Bandar*  
*Majlis Bandaraya Johor Bahru*

Disahkan: 4 November 2020  
[Ringkasan Mesyuarat Bil. 1235/2020]

HAJAH SHUBANAH BINTI YUSUF  
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Johor*

## LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

*[Act 171]*STRAY ANIMALS (JOHOR BAHRU CITY COUNCIL)  
BY-LAWS (AMENDMENT) 2020

In exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the Johor Bahru City Council makes, and pursuant to section 103 of the said Act the State Authority makes, the following by-laws:

**Citation and commencement**

1. (1) These By-Laws may be cited as the **Stray Animals (Johor Bahru City Council) By-Laws (Amendment) 2020** and shall apply only to the area of the Johor Bahru City Council.

(2) These By-Laws shall come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

**Amendment of by-law 6**

2. The Stray Animals (Johor Bahru City Council) By-Law 1995 [J.P.U. 54/1995]

(a) In by-law 6(3), by substituting the words “seven days” the word “three days”;

and

(b) by inserting after by-law (4), the following new by-law:

“(5) The Council shall not be liable for death, loss, injury, and other liability if the seized animal is injured or died in the custody of the Local Authorities after seized.”

**Amendment of by-law 7**

3. The by law 7 of the principal By-Law is amended by substituting the proviso provision to the following new proviso provision—

Provided that any animal seized and detained may be recovered by the owner by paying a payment of not less than two hundreds ringgit per person and for each day thereafter an additional Fifty Ringgit for an animal;

And on further terms that if the same animal is also confiscated and subsequently detained then the charge charged is raised to four hundreds ringgit for an animal.

Dated: 10 February 2020

[MBJB/U/2019/28/UUK/3]

[SUKJ.KT. 24/69/17 JLD. 3(13); PPUUNJ-1/7/21(2)]

DATO' HAJI ADIB AZHARI BIN DAUD  
*Datuk Bandar*  
*Majlis Bandaraya Johor Bahru*

Confirmed: 4 November 2020

[Ringkasan Mesyuarat Bil. 1235/2020]

HAJAH SHUBANAH BINTI YUSUF  
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Johor*